

KKM bentang RUU Kawalan Produk Merokok di Dewan Rakyat hari ini

BERNAMA

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) akan membentangkan Rang Undang-Undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 bagi bacaan kali pertama di Dewan Rakyat, hari ini.

Menurut Aturan Urusan Mesyuarat, ia akan dibentangkan Menteri Kesihatan Dr Zaliha Mustafa selepas sesi soal jawab.

Sebelum ini, pada 26 Mei lalu, Dr Zaliha menyifatkan perkara itu kejayaan buat KKM apabila mendapat sokongan Kabinet untuk RUU tersebut dibentang.

Pada sesi taklimat bersama media 6 Jun pula, beliau berkata KKM sudah memasukkan kesemua 23 cadangan pindaan terdahulu serta lima cadangan baharu dan RUU itu disifatkan lebih komprehensif dan meliputi bukan sahaja rokok konvensional tetapi juga rokok alaf baharu termasuk elektronik serta rokok combustible.

Bagaimanapun, Dr Zaliha berkata RUU itu masih mengekalkan peruntukan dasar generasi penamat (GEG), manakala perubahannya adalah pada cohort generasi yang lahir pada 1 Januari 2007 dan seterusnya.

Turut akan dibentang untuk bacaan kali pertama adalah Rang Undang-Undang Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan) 2023 oleh Kementerian Kewangan.

Sementara itu, antara yang menjadi tumpuan dalam sesi soal jawab hari ini adalah pertanyaan daripada Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail (PH-Bandar Tun Razak) kepada Kementerian Pendidikan mengenai langkah untuk menangani isu buli khususnya dalam kalangan pelajar sekolah menengah yang menunjukkan peningkatan kes setiap tahun.

Datuk Muhammad Bakhtiar Wan Chik (PH-Balik Pulau) pula meminta KKM menjelaskan langkah untuk memupuk kesedaran kesihatan dalam kalangan rakyat yang masih berada di tahap rendah memandangkan Malaysia dikategorikan sebagai bukan negara sihat.

Turut tersenarai, soalan Wan Razali Wan Nor (PN-Kuantan) yang ingin tahu adakah Kementerian Perpaduan Negara terbabit dalam proses pemantauan dan suntingan drama dan filem bagi memastikan nilai kerukunan karya yang dihasilkan serta tidak menyentuh isu sensitif membabitkan kaum dan agama.

Persidangan Dewan Rakyat berlangsung selama 11 hari dan akan berakhir Khamis ini.

Disiarkan pada: Jun 12, 2023 @ 9:11am